

PERENJAK BELUKAR
Dark-necked Tailorbird

FAMILI: Sylviidae
NAMA SAINTIFIK: *Orthotomus atrogularis*



CIRI-CIRI

Semasa di luar musim membiak, individu jantan dewasa menyerupai spesies Perenjok Pisang, *O.sutorius*, tetapi ia memperlihatkan bahagian atas kepala yang berwarna kemerahan yang lebih cerah manakala bahagian atas badan berwarna hijau kekuningan yang cerah. Pada bahagian rengkong dan sisi dada, terdapat jalur-jalur berwarna kelabu yang gelap serta bahagian bawah ekor yang berwarna kuning. Semasa musim membiak, individu ini mempunyai bahagian bawah rengkong dan atas dada yang berwarna kelabu kehitaman manakala bahagian ekor adalah lebih pendek berbanding spesies Perenjok Pisang. Bagi individu betina dewasa pula, ia menyerupai individu jantan semasa di luar musim membiak tetapi jalur-jalur pada bahagian rengkong dan sisi dada adalah kurang. Individu juvenil bagi spesies ini menyerupai individu betina dewasa tetapi bahagian atas badan adalah lebih gelap manakala warna kemerahan pada bahagian atas adalah lebih pudar.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 10.5-12.0 sm.

MAKANAN

Nektar, beri, bijian, serangga-serangga kecil dan ulat beluncas.

HABITAT

Kawasan hutan dipterokap, kawasan hutan campuran, hutan sekunder, kawasan belukar, kawasan hutan paya bakau dan kawasan pertanian, pada ketinggian sehingga ke 1,200 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang berhenti-henti dengan nada yang tinggi *kriiii* diselangi dengan bunyi *tew* yang pendek. Selain itu ia juga mengeluarkan bunyi *churrit churrit-churrit*, *tittrrt tittrrt* yang berhenti-henti atau bunyi *prrrp-prrrp* yang bergetar. Sekira ianya dalam satu pasangan, ia akan mengeluarkan bunyi *tittrruit-churrit*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Feburari hingga September di mana sarang menyerupai spesies Perenjok Pisang *O. sutorius* sebanyak 2-5 biji berwarna biru pudar dengan bintik-bintik serta corekan yang berwarna gelap. Telur ini mempunyai ukuran kira-kira 15.4 X 11.4 mm secara purata.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.